

# Cipta rekod debat 100 jam

H/M 12/12/06

**K**UALA LUMPUR: Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) akan menganjurkan percubaan mencipta rekod dunia debat Bahasa Melayu 100 jam tanpa henti yang bakal berlangsung pada 19 Disember ini.

Percubaan mencipta rekod dunia Guinness Book of World Records ini, dilancarkan sempena sambutan Jubli Emas 50 tahun Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Format acara yang diadaptasikan ala Parlimen, bertujuan memartabatkan Bahasa Melayu di samping menggalakkan perkongsian intelektual antara institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

UiTM yang berpengalaman menganjurkan acara seumpama itu pernah mencipta rekod Malaysia Book of Records melalui acara debat Bahasa Inggeris 50 jam tanpa henti.

Setakat ini, 42 penyertaan diterima dan pihak penganjur dengan kerja-



**REKOD...Othman bersama Noriza pada sidang media di DBP, semalam.**

sama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (KeKKWa) berharap lebih ramai pihak tampil terutama penyertaan daripada badan kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO).

Pensyarah Kaunseling Fakulti Pendidikan UiTM, Noriza Hussin berkata, penyertaan juga terbuka kepada orang ramai dan boleh disertai secara 'walk-in' (terus datang).

Sementara itu, Ketua Bahagian Pengembangan

Bahasa Melayu DBP, Othman Ismail berkata, debat itu bukan bertujuan mencari pemenang, tetapi cubaan mencipta rekod dunia.

"Satu kumpulan hanya memerlukan tiga ahli dan perdebatan hanya mengambil masa sejam termasuk penggulungan. Selain itu, peserta boleh tampil dengan topik sendiri yang ingin diketengahkan" katanya.

Debat yang akan dilangsungkan di dewan semi-

nar tingkat dua, DBP selama lima hari empat malam itu, menawarkan sehelai kemeja-t di samping sijil penyertaan daripada pihak penganjur.

Kepada mereka yang berminat, mereka boleh melayari blog <http://debatbahasamelayu100jam-tanpahenti.blogspot.com> untuk maklumat lanjut dan terus hadir menyertai percubaan cipta rekod dunia debat 100 jam yang menyediakan hampir 200 topik untuk didebatkan.